

FIRE&LADE BIKERS DREAM
Menjual Motosikal Berk uasa Tinggi

Kajian Pentadbiran Awam dan Undang-Undang
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

ISI KANDUNGAN .**MUKASURAT**

<i>Penghargaan</i>	<i>i</i>
<i>Sekapur Sireh</i>	<i>ii</i>
<i>Logo Syarikat</i>	<i>iii</i>
<i>Surat Perjanjian</i>	<i>iv</i>
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TUJUAN	2
3.0 LATARBELAKANG SYARIKAT	3
4.0 LATARBELAKANG AHLI KONGSI	5
5.0 LATARBELAKANG PROJEK	
<i>5.1 Lokasi</i>	<i>10</i>
<i>5.2 Kedudukan fizikal</i>	<i>12</i>
<i>5.3 Kemudahan asas</i>	<i>13</i>
<i>5.4 Bangunan</i>	<i>14</i>
6.0 RANCANGAN PEMASARAN	
<i>6.1 Analisis Pasaran</i>	<i>15</i>
<i>6.2 Ramalan Jualan</i>	<i>19</i>
<i>6.3 Rancangan Pemasaran</i>	<i>20</i>
<i>6.4 Belanja Pemasaran</i>	<i>25</i>
<i>6.5 Syer Pasaran</i>	<i>26</i>
7.0 RANCANGAN PENGETAHUAN / OPERASI	27
<i>7.1 Barang Perniagaan</i>	<i>28</i>
<i>7.2 Perkhidmatan</i>	<i>29</i>
<i>7.3 Carta Aliran Operasi</i>	<i>30</i>
<i>7.4 Senarai Belanja Peralatan dan Kelengkapan</i>	<i>32</i>
8.0 RANCANGAN ORGANISASI	
<i>8.1 Matlamat dan Strategi Organisasi</i>	<i>34</i>
<i>8.2 Struktur Organisasi</i>	<i>37</i>
<i>8.3 Insentif Pekerja</i>	<i>38</i>
<i>8.4 Imbuhan serta Balas Jasa dan Insentif Pekerja</i>	<i>40</i>
<i>8.5 Belanja Pentadbiran</i>	<i>41</i>
<i>8.6 Perancangan Keperluan Pejabat</i>	<i>42</i>
<i>8.7 Senarai Jawatan , Tanggungjawab dan Huraian Tugas</i>	<i>45</i>
9.0 RANCANGAN KEWANGAN	

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pentadbiran Awam (Semester 05)
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tarikh.: 25 Oktober 1996

Encik Hameed
Pensyarah Asas Keusahawanan
Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN BAGI SESSI JULAI 1996

Merujuk perkara di atas di sini kami menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan kami kepada Encik Ab. Hameed . Projek perniagaan yang kami jalankan adalah merupakan syarikat menjual motorsikal berkuasa tinggi.

Kami juga telah bersetuju untuk memilih FIREBLADE BIKERS DREAM sebagai nama perniagaan perkongsian kami.Kami percaya terdapat banyak peluang dengan menceburι bidang perniagaan ini memandangkan dewasa ini tidak terdapat banyak pengusaha yang menerokai bidang ini.

Kami berharap pihak tuan akan berpuashati dengan hasil usaha kami. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan terhadap Rancangan Perniagaan ini di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

MOHD KAMAL AL MAAMUR MOHD ARIFFIN

.....
(PENGURUS BESAR)

MOHD FAISAL MOHD FUZI

.....
(PENGURUS PENTADBIRAN)

AZAHARUDDIN AB. RAHIM

.....
(PENGURUS OPERASI)

AHMAD HAIFEEZ KAMARUDIN

.....
(PENGURUS KEWANGAN)

MOHD SYAHRIZAL AZMI

.....
(PENGURUS PEMASARAN)

1.0 PENGENALAN .

Rancangan perniagaan ini adalah perancangan untuk menubuhkan sebuah perniagaan yang menjual motorsikal berkuasa tinggi serta perkhidmatan servis . Perniagaan kami adalah berbentuk perkongsian dan di usahakan oleh rakan kongsi . Kami yakin perniagaan ini berpotensi untuk berkembang maju memandangkan pertambahan minat orang ramai terhadap barang ini . Tambahan pula taraf hidup dan taraf ekonomi penduduk Malaysia semakin meningkat dan ini membuktikan bahawa ramai penduduk yang mampu memiliki motorsikal berkuasa tinggi . Selain itu , persaingan yang kecil dikalangan penjual motorsikal berkuasa tinggi meyakinkan kami untuk membuka perniagaan ini .

Berdasarkan faktor - faktor ini , kami telah bersetuju dan bersepakat untuk membuka sebuah perniagaan yang kami yakin akan berkembang maju dan akan memberi pulangan yang lumayan . Kami juga telah bersepakat untuk memberikan nama syarikat kami dengan nama FIREBLADE BIKERS DREAM.

Perniagaan kami menawarkan motorsikal - motorsikal berkuasa tinggi daripada jenama - jenama yang terkenal seperti Kawasaki , Honda , Yamaha dan Suzuki . Selain itu kami juga menyediakan perkhidmatan servis seperti menukar minyak hitam , palam pencucuh , pad brek dan membersihkan kaburator .

Bagi memastikan perniagaan kami sentiasa mendapat tempat dalam pasaran , kami menitik beratkan soal kepuasan pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk mereka .